

Kerjaya Prospek Peroleh Kontrak RM51.03 Juta Di Pulau Pinang

10/03/2025



KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Kerjaya Prospek Group Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd menerima kontrak daripada Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) untuk menyiapkan kerja tanah dan cerucuk bagi cadangan membina pangsapuri perkhidmatan di Pulau Pinang, bernilai RM51.03 juta.

Katanya, kontrak merangkumi pelaksanaan dan penyiapan sistem cerucuk asas dan penutup cerucuk, pembinaan ruang bawah tanah dan dua tingkat aras bawah serta semua tapak berkaitan dan kerja tanah bagi cadangan projek pangsapuri perkhidmatan di Bandar Tanjung Pinang, Pulau Andaman.

"Kontrak bermula pada 1 April, 2025 dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan," kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kerjaya Prospek berkata penerimaan kontrak itu satu kebiasaan dalam perniagaan kumpulan dan dilakukan secara berterusan berdasarkan syarat komersial biasa, yang tidak lebih baik daripada yang tersedia kepada umum.

Di samping itu, katanya, kontrak itu dijangka menyediakan aliran pendapatan tambahan bagi kumpulan tersebut sepanjang tahun depan.

"Kontrak tidak akan memberi kesan terhadap modal saham terbitan kumpulan, tetapi ia dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset bersih sesaham kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2025 hingga 2026," katanya.

Kerjaya Prospek Bags RM51.03 Mln Contract In Penang

10/03/2025



KUALA LUMPUR, March 10 (Bernama) -- Kerjaya Prospek Group Bhd's wholly-owned subsidiary, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd, has received a contract from Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) to execute and complete piling and earthworks for a proposed service apartment in Penang, valued at RM51.03 million.

It said the contract covers the execution and completion of the foundation piling system and pile caps, construction of a basement and two levels of lower ground and all associated site and earthworks for a proposed service apartment project at Bandar Tanjung Pinang, Pulau Andaman.

"The contract shall commence on April 1, 2025, and to be completed within 12 months from the commencement date," the group said in a filing with Bursa Malaysia today.

Kerjaya Prospek said the acceptance of the contract is in the ordinary course of the group's business and is undertaken on an arm's length basis, based on normal commercial terms, which were not more favourable than those generally available to the public.

In addition, it said the contract is expected to provide an additional stream of revenue for the group over the next year.

"The contract will have no effect on the issued share capital of the company, but it is expected to contribute positively to the earnings and net assets per share of the group for the financial years ending 2025 to 2026," it added.